

Nahas bas: Enam pelajar USIM masih dirawat di Hospital Selayang

NILAI - Enam pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) termasuk dua pemandu bas, mangsa kemalangan di Jalan Sungai Tua, Ulu Yam, Selangor petang semalam berada dalam keadaan stabil dan masih menerima rawatan di Hospital Selayang.

Pengarah Pusat Komunikasi Strategik USIM, Dr .Faizal Kasmani berkata, 18 pelajar lain menerima rawatan pesakit luar di hospital sama dan dibenarkan pulang.

"Pihak universiti berasa sedih dan dukacita dengan kejadian ini. Kami telah berhubung dengan ibu bapa pelajar yang terbabit bagi memastikan mereka mendapat maklumat terkini mengenai anak masing-masing," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah dan Pendaftar universiti, Muhammad Haizuan Rozali mewakili pihak pengurusan USIM bersama lebih 30 pegawai universiti dan wakil pelajar berada di hospital malam tadi, bagi membantu dan memberi sokongan kepada mangsa dan keluarga.

"Pihak universiti juga menyediakan pegawai perubatan USIM untuk rawatan lanjutan kepada pelajar yang dibenarkan pulang ke kampus bagi memastikan mereka dalam keadaan sihat," katanya. - Bernama